

# Dua anak Tun M miliki harta lebih RM1.2 bilion

SPRM puas hati pengisytiharan aset Mokhzani sejumlah RM1b, Mirzan bernilai RM246.2 juta

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Dua anak bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengikrarkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memiliki harta bernilai lebih RM1.2 bilion.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata berdasarkan pengisytiharan harta yang dikemukakan kepada SPRM, Tan Sri Mokhzani Mahathir memiliki aset bernilai kira-kira RM1 bilion manakala Mirzan sebanyak RM246.2 juta.

Katanya, pengisytiharan harta itu antaranya membabitkan pegangan aset dan saham.

"Kedua-dua mereka mematuhi permintaan saya dan juga keputusan penyiasat untuk mengisytiharkan harta yang mereka miliki termasuk juga pegangan aset, saham dan sebagainya.

"Jadi, saya berpuas hati dengan pengisytiharan harta berkenaan oleh kedua-duanya," katanya pada sidang media di sini semalam.

Azam berkata, melalui pengisytiharan harta itu, jumlah aset keseluruhan Mokhzani bernilai kira-kira RM1 bilion dengan *personal value* (aset peribadi) sebanyak RM360 juta.

Sementara Mirzan, jumlah asetnya adalah sebanyak RM246.2 juta dengan *personal value* sebanyak RM120 juta.

"Ada berbentuk aset, ada juga dalam pegangan saham dan sebagainya yang kita ambil kira serta menolak liabiliti yang mereka tanggung.

"Jadi, persepsi ini saya kena betulkan kerana kadang-kadang kami dihujani dengan pelbagai soalan mengatakan adakah betul mengenai pemilikan harta (mereka)," katanya.

## Data pegawai forensik

Azam menegaskan semua data berkenaan adalah daripada pegawai forensik SPRM serta beberapa penilaian terhadap jumlah aset yang diisytiharkan oleh dua beradik itu.

"Ini adalah mengenai pengisytiharan harta, namun siasatan membabitkan kedua-dua mereka masih diteruskan," katanya.



Azam bersama Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Dalam perkembangan berasingan, Azam berkata, SPRM masih menjalankan siasatan membabitkan Allahyarham Tun Daim Zainuddin dan isteri, Toh Puan Naimah Abdul Khalid termasuk dari aspek mengesan asetnya di luar negara.

Katanya, siasatan itu berdasarkan petunjuk yang menunjukkan

ada aset luar negara perlu di kesan berhubung kes berkenaan.

"Hasil kerjasama dengan beberapa pihak daripada luar negara yang menunjukkan indikatornya itu menunjukkan ada aset di luar negara yang perlu kita kesan.

"Sekiranya ada kesalahan, kami akan membuat permohonan untuk mendapatkan kembali wang berkenaan," katanya.